

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

<http://www.parlimen.gov.my>

**HARI RABU, 15 SEPTEMBER 2021, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 3**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PR-1441-L11549  
**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [ Sibuti ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan proaktif Kerajaan terhadap maklumat penerima vaksin yang tidak mempunyai kad pengenalan diri terutama sekali di Sarawak dan adakah Kerajaan akan mengambil tindakan mengenai isu individu tanpa pengenalan diri.
  
2. PR-1441-L11985  
**Tuan M. Kulasegaran [ Ipoh Barat ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sebab Kerajaan masih melancarkan PROTEK dan mengenakan bayaran terhadap majikan ataupun potongan levi untuk vaksinasi sedangkan Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM5 bilion untuk vaksinasi yang dikatakan dapat menampung keperluan 110% populasi.
  
3. PR-1441-L11618  
**Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [ Cameron Highlands ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah langkah yang dilakukan oleh pihak Kementerian bagi memastikan masyarakat Orang Asli tidak tercicir daripada Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK).
  
4. PR-1441-L11866  
**Puan Rusnah binti Aluai [ Tangga Batu ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian mempunyai rancangan untuk menjamin masa depan doktor-doktor kontrak agar negara tidak mengalami '*brain drained*' pada masa akan datang.

5. PR-1441-L12014  
**Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [ Lenggong ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah perancangan Kerajaan dalam memulihkan semula ekonomi negara serta bentuk-bentuk bantuan yang boleh diberikan terutamanya kepada perusahaan kecil sederhana sebagai '*starter*' untuk mereka meneruskan kelangsungan operasi perniagaan.
6. PR-1441-L12490  
**Tengku Zulpuri bin Raja Puji [ Raub ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan dalam kehidupan pandemik COVID-19 ini, apakah usaha Kementerian untuk menurunkan harga kit pengujian sendiri (air liur) COVID-19 ini, kerana harga jualan di farmasi sekitar RM35 hingga RM40 terlalu mahal bagi rakyat (persediaan awal setiap rumah) .
7. PR-1441-L12144  
**Tuan Shaharizukirnain bin Abd. Kadir [ Setiu ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tindakan yang akan dikenakan ke atas golongan yang memalsukan sijil suntikan vaksin.
8. PR-1441-L11565  
**Dato' Seri Utama Haji Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir [ Jerlun ]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan langkah melahirkan pelapis sukan negara memandangkan sukan di peringkat negeri dan kebangsaan tidak dapat diadakan akibat COVID-19:-
  - (a) nyatakan persediaan negara menjelang Sukan SEA yang ditangguhkan hingga tahun hadapan; dan
  - (b) adakah negara hanya bergantung kepada kudrat atlet senior bagi menggalas cabaran negara di peringkat antarabangsa.
9. PR-1441-L12002  
**Tuan Haji Wan Hassan Bin Mohd Ramli [ Dungun ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan keberkesanan Talian Bantuan Sokongan Psikososial yang diwujudkan semenjak 25 Mac 2020 untuk membantu rakyat yang mengalami gangguan kesihatan mental sepanjang pandemik COVID-19 ini melanda.

10. PR-1441-L12308  
**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [ Port Dickson ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi mengatasi pengangguran yang menurut statistik sehingga 9 Ogos 2021, kadar pengangguran meningkat kepada 4.8% dan apakah program terkini khususnya kepada siswazah yang tidak mendapat peluang pekerjaan.
11. PR-1441-L11691  
**Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [ Jerantut ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan kaedah yang digunakan untuk mengedarkan peruntukan RM305.26 juta oleh MARA kepada usahawan-usahawan PKS di luar bandar dan nyatakan bantuan-bantuan lain yang diberi kepada usahawan yang terjejas akibat penularan COVID-19.
12. PR-1441-L11918  
**Tuan Sim Chee Keong [ Bukit Mertajam ]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan senarai syarikat dan jumlah pinjaman setiap satu yang berjaya diluluskan melalui Skim Pembiayaan Industri Sukan serta bilangan syarikat yang berjaya menerima Geran Prihatin Insentif Sukan sebanyak RM3000.
13. PR-1441-L11530  
**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [ Pontian ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan rancangan mengawal kenaikan kos sara hidup, kenaikan paras pengangguran rakyat secara keseluruhan, graduan tanpa kerja dan belia tidak berkemahiran serta menaikkan kualiti hidup rakyat.
14. PR-1441-L12185  
**Puan Yeo Bee Yin [ Bakri ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan senarai *private medical practitioners* yang telah dilantik oleh Protect Health untuk mengendali Mega PPV dan kos urusan setiap dos vaksin.
15. PR-1441-L11800  
**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [ Kinabatangan ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan adakah usaha yang dibuat oleh Kementerian bagi memastikan barangan keperluan harian seperti gula, minyak masak dan telur sentiasa mencukupi di pasaran memandangkan keperluan ini seringkali tidak mencukupi ekoran digunakan dalam senarai makanan yang dibekalkan di dalam bantuan bakul makanan.

16. PR-1441-L12258  
**Puan Nor Azrina binti Surip [ Merbok ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sebab-sebab permohonan anak-anak warganegara yang dilahirkan di luar negara daripada wanita warganegara Malaysia di bawah Perkara 15(2) ditolak secara rutin oleh Kementerian, walaupun adik beradik mereka yang dilahirkan dan didaftarkan menggunakan proses yang sama telah memperoleh kewarganegaraan Malaysia.
17. PR-1441-L12270  
**Dato' Haji Mohd. Salim Sharif [ Jempol ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah bagi mengatasi isu penyalahgunaan atau penipuan sijil digital vaksinasi COVID-19 dan tindakan undang-undang.
18. PR-1441-L11929  
**Tuan Charles Anthony Santiago [ Klang ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah golongan muda yang berumur 18 hingga 30 tahun yang terlibat dalam pekerjaan ekonomi gig dan sektor *e-hailing* / *p-hailing* sepenuh masa berdasarkan tahap pendidikan, jantina, kaum, serta kadar peningkatan dalam perkhidmatan *e-hailing* selama lima tahun ini.
19. PR-1441-L12524  
**Datuk Robert Lawson Chuat [ Betong ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah trend pasaran global minyak masak masa kini serta langkah yang diambil oleh Kementerian bagi memastikan harga minyak masak bersubsidi dan tidak bersubsidi tidak melonjak naik sehingga membebankan pengguna dan apakah kaedah yang digunakan oleh Kementerian untuk menentukan minyak masak yang diluluskan oleh Kerajaan diberikan subsidi.
20. PR-1441-L11459  
**Tuan Karupaiya A/L Mutusami [ Padang Serai ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kementerian maklum bahawa pejabat Imigresen yang sedia ada di kawasan saya tidak mempunyai fasiliti yang lengkap bagi penduduk yang membuat urusan. Adakah pihak Kementerian mempunyai cadangan untuk mendirikan bangunan baru. Memandangkan Imigresen adalah tempat kutipan hasil bagi Kerajaan.
21. PR-1441-L11808  
**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [ Kinabatangan ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan perancangan Kementerian dalam mengawal atau mengurangkan bilangan pekerja yang diberhentikan ekoran pandemik COVID-19.

22. PR-1441-L12418  
**Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [ Balik Pulau ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan status terkini penyediaan pekerjaan berkemahiran tinggi sesuai dengan saranan Bank Dunia memandangkan kedudukan Malaysia pada kadar 28% pekerja berkemahiran tinggi ke belakang berbanding Singapura 52%.
23. PR-1441-L11491  
**Dato' Sri Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim [ Batang Lupar ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan bagaimana Kementerian dapat mengawal banjir kit ujian sendiri COVID-19 di pasaran terutama secara *online* yang berkemungkinan sebahagiannya adalah palsu dan apakah mekanisme kawalan harga bagi mengekang harga yang terlalu tinggi mencecah RM40 untuk satu set yang dikira membebaskan.
24. PR-1441-L11852  
**Tuan Chow Kon Yeow [ Tanjong ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sama ada Kementerian akan menyalurkan peruntukan kepada Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) bagi membina Rumah Mampu Milik selaras dengan hasrat penubuhan Lembaga Perumahan di setiap negeri. Jika ya, nyatakan bila. Sekiranya tiada, kenapa.
25. PR-1441-L11552  
**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [ Sibuti ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah inisiatif diperkenalkan oleh Kementerian bagi golongan usahawan dalam bidang penyediaan makanan secara katering makanan, perkhidmatan jurugambar, perkhidmatan jururunding perkahwinan, jurusolek yang terjejas ketika pelaksanaan PKP.
26. PR-1441-L11885  
**Tuan Wong Ling Bui [ Sarikei ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan mengapa indeks kes Covid-19 masih tinggi setelah 2 dos vasinasi dilakukan.
27. PR-1441-L12623  
**Dato' Seri Tiong King Sing [ Bintulu ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-
- (a) apakah rancangan secara keseluruhan pihak Kementerian untuk menambah baik kebajikan para pengamal perubatan lantikan kontrak; dan

- (b) apakah inisiatif pihak Kementerian dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dalam usaha membantu pengamal perubatan lantikan kontrak ditawarkan jawatan tetap.

28. PR-1441-L11582

**Dr. Lee Boon Chye [ Gopeng ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilangan doktor kontrak yang telah meletak jawatan sejak tahun 2020 dan apakah usaha Kerajaan untuk selesaikan masalah-masalah yang dihadapi doktor kontrak.

29. PR-1441-L12008

**Tuan Haji Wan Hassan Bin Mohd Ramli [ Dungun ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan pelan jangka panjang yang akan diambil oleh Kementerian untuk menyelesaikan isu pengambilan doktor kontrak selepas ini terutamanya setelah peletakan jawatan seramai 400 orang doktor kontrak baru-baru ini.

30. PR-1441-L11706

**Puan Teo Nie Ching [ Kulai ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan permohonan Perkara 15A yang diterima pada 2019 dan 2020 dan jumlah permohonan yang diluluskan pada 2019 dan 2020 masing-masing.

31. PR-1441-L11960

**Dato' Sri Richard Riot anak Jaem [ Serian ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah status terkini cadangan pembinaan untuk menaik taraf Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Tebedu, Sarawak.

32. PR-1441-L12110

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [ Batu Gajah ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan secara terperinci apakah tindakan-tindakan yang diambil apabila seseorang yang diuji itu didapati COVID-19 positif. Nyatakan prosedur-prosedur kuarantin bagi orang yang dijangkiti dan keluarganya sebagai tindakan pengawalan yang berkesan.

33. PR-1441-L12032

**Puan Noorita binti Sual [ Tenom ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah perkembangan status cadangan pemberian Pas IMM13 kepada warga asing bukan pelarian perang di Sabah dan setakat ini berapa kalikah mesyuarat diadakan di antara pihak Kementerian dengan Jawatankuasa Pengurusan Warga Asing di Sabah (JKPWS) bagi mencari penyelesaian masalah pendatang tanpa izin di Sabah.

34. PR-1441-L11643  
**Datuk Mohamaddin bin Ketapi [ Lahad Datu ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah benar bahawa penerima vaksin lengkap masih boleh dijangkiti COVID-19, tetapi tidak boleh merebakkan kepada orang lain seperti yang dimaklumkan oleh pakar perunding perubatan kesihatan awam, Datuk Seri Dr Zulkornain Ahmad.
35. PR-1441-L12574  
**Puan Kasthuriraani A/P Patto [ Batu Kawan ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan mengapa pembinaan sebuah hospital Kerajaan di kawasan Batu Kawan masih tidak diberikan perhatian yang sewajarnya.
36. PR-1441-L11451  
**Tuan Karupaiya A/L Mutusami [ Padang Serai ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan proses pembesaran Wad ICU di Hospital Kulim yang berjumlah kos RM1 juta.
37. PR-1441-L12389  
**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [ Bandar Kuching ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan pelan Kementerian untuk memenuhi keperluan *psychosocial* dan *“mental health”* mereka yang terkesan daripada PKP/PKPB termasuk pelan Kementerian untuk menambah peruntukan untuk menangani *“silent mental health pandemic”* akibat pandemik ini. Adakah program khusus akan diperkenalkan kepada mereka yang memerlukannya termasuk untuk barisan hadapan kita.
38. PR-1441-L11809  
**Tuan R. Sivarasa [ Sungai Buloh ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah pekerja asing yang berdokumentasi dan tidak berdokumentasi (*documented and undocumented*) yang ada di Malaysia, dan setakat 31 Julai 2021, berapa telah menerima satu dos dan dua dos vaksin melalui Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK).
39. PR-1441-L11730  
**Datuk Wilson Ugak Anak Kumbong [ Hulu Rajang ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sekiranya pihak Kementerian bercadang untuk:-
- (a) membina kompleks CIQ di Tapak Megah, Kapit; dan
  - (b) membina jalan di sempadan Malaysia – Indonesia di kawasan Parlimen Hulu Rajang.

40. PR-1441-L11651  
**Puan Isnaraissah Munirah Majilis [ Kota Belud ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kesediaan Kementerian ke arah mewujudkan sistem penyaluran peruntukan berdana secara terus kepada Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah (PKRC) Kota Belud memandangkan kepadatan luar jangka serta ketidakcukupan fasiliti telah membebani para pesakit COVID-19 yang dirawat di PKRC tersebut.
41. PR-1441-L12072  
**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [ Kuala Krai ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan secara terperinci berkenaan kajian terhadap keberkesanan dan kesan sampingan vaksin kepada golongan ibu yang mengandung dan berapakah jumlah kematian ibu yang mengandung akibat tidak mengambil vaksin sepanjang wabak COVID-19.
42. PR-1441-L12396  
**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [ Bandar Kuching ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kesediaan dan pelan Kementerian untuk mengendali kenaikan kes dan juga kematian (*mortality*) disebabkan penyakit bukan COVID-19, terutamanya mereka yang terlepas rawatan atau “*check up*” disebabkan COVID-19. Berapakah jangkaan pertambahan kadar kematian disebabkan kes bukan COVID-19 dan apakah pelan Kementerian terhadap isu ini.
43. PR-1441-L12244  
**Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [ Bachok ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan perkembangan terkini pembinaan Hospital Bachok dan jangkaan tarikh hospital tersebut siap sepenuhnya untuk dimanfaatkan kepada lebih 160 ribu penduduk di Parlimen Bachok dan kawasan sekitarnya.
44. PR-1441-L12540  
**Tuan Gobind Singh Deo [ Puchong ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bagaimana masalah Pegawai Perubatan Kontrak boleh diatasi dan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mengatasi masalah ini.
45. PR-1441-L12051  
**Tuan Sabri bin Azit [ Jerai ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menambah perbelanjaan bekalan bagi menampung keperluan peralatan hospital di seluruh negara.

46. PR-1441-L11750

**Tuan William Leong Jee Keen [ Selayang ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan mengapa walaupun kuasa yang diberikan di bawah Ordinan Darurat untuk mengambil-alih kemudahan hospital swasta, hospital Kerajaan penuh sesak dan sistem dibebani ke tahap hampir lumpuh dengan peningkatan kes-kes COVID-19.

47. PR-1441-L11727

**Datuk Wilson Ugak Anak Kumbong [ Hulu Rajang ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sekiranya pihak Kementerian bercadang untuk menukar kenderaan 4WD dan bot laju kepada yang baharu di klinik-klinik kesihatan di kawasan Parlimen Hulu Rajang.

48. PR-1441-L11828

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [ Kangar ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa jumlah kes positif di pusat tahanan – sama ada polis, imigresen dan sebagainya – yang melibatkan pendatang asing tanpa izin dan apakah langkah yang diambil untuk menanganinya. Daripada jumlah ini, berapa yang mati, jika ada.

49. PR-1441-L11983

**Dato' Hajah Azizah Binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun [ Beaufort ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian akan menyelaraskan harga *Swab Test Real-time reverse transcription-polymerase chain reaction* (RT-PCR) COVID-19 di seluruh negara Malaysia memandangkan terdapat perbezaan harga yang amat besar di antara *Swab Test* di Kuala Lumpur yang berjumlah RM150 manakala Sabah berjumlah RM300.

50. PR-1441-L12503

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [ Pasir Gudang ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

- (a) berapa ramaikah jumlah kematian di dalam tahanan Polis, Imigresen, SPRM dan lain-lain agensi Kerajaan dari Januari 2020 sehingga Jun 2021; dan
- (b) apakah langkah-langkah pencegahan untuk mengatasi berlakunya kematian di dalam tahanan.

51. PR-1441-L11718

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [ Kapar ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah penerima faedah dan jumlah perbelanjaan Program Subsidi Upah bagi membantu majikan yang terkesan sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan.

52. PR-1441-L12166

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [ Lanang ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan :-

- (a) kenapa harga siling yang ditetapkan bagi kit ujian RT-PCR dan RTK- Antigen adalah lebih tinggi di Sarawak jika dibandingkan dengan harga di Semenanjung; dan
- (b) sama ada kit ujian sendiri COVID-19 diberikan subsidi dan juga ditetapkan harga siling yang berpatutan (kurang daripada RM10) supaya setiap orang mampu membeli kit tersebut untuk saringan COVID-19 yang lebih memuaskan dalam pengawalan penularan COVID-19.

53. PR-1441-L12562

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [ Kuala Selangor ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah pesakit yang meninggal kerana COVID-19 telah disaring dengan ujian genomic dan apakah keputusannya sehingga kini. Mohon penjelasan melalui *breakdown* dari segi angka yang meninggal di hospital dan *brought in dead*.

54. PR-1441-L11560

**Dato' Seri Utama Haji Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir [ Jerlun ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jelaskan prospek peluang pekerjaan yang telah Kerajaan sediakan dan jika ia mampu dipenuhi berdasarkan situasi semasa COVID-19 di dalam negara. Nyatakan kesan daripada gelombang baharu pandemik COVID-19 di peringkat antarabangsa kepada penyediaan peluang pekerjaan untuk golongan sasaran dalam negara.

55. PR-1441-L12231

**Tuan Mordi Bimol [ Mas Gading ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan secara terperinci berapakah jumlah permohonan kewarganegaraan Malaysia setakat Mei 2018 dan berapa yang diluluskan dalam tempoh Mei 2018 hingga Mei 2021 serta berapakah permohonan baru selepas Mei 2018.

56. PR-1441-L12254

**Tuan Teh Kok Lim [ Taiping ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah pengangguran terkini dan usaha/rancangan Kementerian dalam menangani masalah pengangguran rakyat Malaysia khas golongan muda yang semakin meningkat akibat pandemik COVID-19.

57. PR-1441-L12099  
**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [ Kuantan ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik bunuh diri di setiap negeri dalam tempoh lima tahun kebelakangan dan pecahan mengikut umur, jantina, kaum serta punca.
58. PR-1441-L12638  
**Tuan Lim Kit Siang [ Iskandar Puteri ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan butiran terperinci berapa ramai pesakit COVID-19 yang kini berhadapan dengan komplikasi berpanjangan (*long COVID*) mengikut jenis-jenis komplikasi.
59. PR-1441-L12256  
**Tuan Teh Kok Lim [ Taiping ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kos tahunan untuk menanggung banduan yang ditahan dalam penjara/ kem tahanan untuk 5 tahun terkini dan rancangan untuk mengurangkan bebanan tersebut.
60. PR-1441-L12240  
**Puan Wong Shu Qi [ Kluang ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan senarai sistem ICT yang pernah diguna, sedang diguna dan bakal diguna oleh pihak PERKESO serta jumlah kos pembangunan sistem ICT tersebut.
61. PR-1441-L12286  
**Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [ Lumut ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berikutan wabak COVID-19 yang melanda seluruh dunia, adakah kerajaan bersedia untuk mewujudkan Kementerian Kesihatan Awam bagi memberikan tumpuan khusus kepada penyakit berjangkit yang memerlukan langkah-langkah kesihatan awam.
62. PR-1441-L11954  
**Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [ Tampin ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah terdapat kajian menyeluruh daripada Kementerian berhubung kait dengan masalah kesihatan mental, jiwa dan tekanan hidup masyarakat bandar dan luar bandar ketika pandemik. Apakah terdapat polisi dan tindakan bagi mengatasi masalah tersebut.
63. PR-1441-L11774  
**Datuk Seri Haji Salahuddin bin Ayub [ Pulai ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah status Rang Undang-Undang Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis.

64. PR-1441-L12581  
**Tuan Chong Chieng Jen [ Stampin ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah bantuan yang diberikan kepada SMEs dalam negara untuk mengatasi kemerosotan ekonomi yang diakibatkan oleh pandemik COVID-19 kebelakangan ini dan berapa daripada jumlah itu telah diberikan kepada SMEs di Sarawak dalam tahun 2020 dan 2021.
65. PR-1441-L12559  
**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [ Kuala Selangor ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah prosedur dan kriteria aturcara yang diikuti oleh KKM untuk memastikan jika sesebuah sampel itu akan disaring untuk ujian genomik.
66. PR-1441-L11592  
**Tuan Chan Ming Kai [ Alor Setar ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan tahanan dan peratus remaja yang ditahan bawah POCA, SOSMA, POTA dan Akta Dadah Berbahaya 1985 (Langkah-langkah Pencegahan Khas) sejak tahun 2020.
67. PR-1441-L12445  
**Datuk Ignatius Darell Leiking [ Penampang ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah langkah yang akan diambil untuk membantu pengusaha kecil dan sederhana (PKS) di Malaysia terutama kepada 100,000 PKS yang telah ditutup sejak PKP 1.0 dan 580,000 perniagaan yang bakal ditutup sekiranya PKP diteruskan sehingga Oktober 2021 memandangkan satu per tiga (1/3) daripada 6,664 responden dalam kajian tinjauan oleh MEDAC menyatakan tidak menerima pelbagai bantuan yang diumumkan Kerajaan sebelum ini.
68. PR-1441-L11588  
**Tuan Chan Ming Kai [ Alor Setar ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah kelayakan dan prosedur bagi pelaksanaan operasi estetik contohnya suntikan botox dan sedut lemak, adakah ia boleh dilakukan oleh pusat kecantikan.
69. PR-1441-L12647  
**Tuan Baru Bian [ Selangau ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan CIQ di Ba' Kelalan yang separuh siap kini dalam bahaya akan runtuh akibat hakisan tanah. Adakah kerja-kerja penilaian keselamatan telah dibuat. Apakah kerja-kerja pembaikan akan diadakan. Jika ada, berapa jumlah kos tambahan apabila projek itu siap.

70. PR-1441-L12585

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [ Muar ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan keputusan Menteri Dalam Negeri yang tidak meluluskan permohonan rayuan pendaftaran Malaysian United Democratic Alliance (MUDA) sebagai sebuah parti politik yang sah berdaftar di bawah Akta Pertubuhan 1966 memandangkan MUDA telah memenuhi kriteria sebagai sebuah pertubuhan yang sah dan tiada alasan dikemukakan untuk menolak rayuan pendaftaran MUDA .

71. PR-1441-L12358

**Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah PATI telah ditangkap oleh Kementerian sejak pandemik COVID-19. Nyatakan bilangan PATI yang telah dihantar balik ke negara asal mereka dan kos penghantaran terlibat.

72. PR-1441-L11448

**Dato' Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [ Sabak Bernam ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah perancangan strategi Kerajaan bagi menyediakan latihan *internship* dan kemahiran di bidang teknikal dan vokasional kepada pekerja-pekerja yang diberhentikan kerja semasa pandemik COVID-19 ini serta nyatakan bidang latihan yang mempunyai peluang kerjaya semasa dan pasca pandemik COVID-19 ini.

**ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

1. **Dato' Hajah Azizah Binti Mohd Dun [ Beaufort ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatunya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya : -

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa membuka Penggal Keempat, Parlimen Yang Keempat Belas."

**Menyambung semula perbahasan atas masalah (14 September 2021)**

- |    |                 |   |                               |
|----|-----------------|---|-------------------------------|
| 2. | ( D.R 24/2020 ) | Rang Undang-Undang Levi Keuntungan Luar Biasa (Pindaan) 2020          | <b>Bacaan Kali Yang Kedua</b> |
|    |                 | <b>[ Menteri Kewangan ]</b>   |                               |
| 3. | ( D.R 13/2020 ) | Rang Undang-Undang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pindaan) 2020 | "                             |
|    |                 | <b>[ Menteri Sumber Manusia ]</b>                                     |                               |
| 4. | ( D.R 14/2020 ) | Rang Undang-Undang Kilang dan Jentera (Pemansuhan) 2020               | "                             |
|    |                 | <b>[ Menteri Sumber Manusia ]</b>                                     |                               |
| 5. | ( D.R 15/2020 ) | Rang Undang-Undang Lembaga Angkasa Malaysia 2020                      | "                             |
|    |                 | <b>[ Menteri Sains, Teknologi Dan Inovasi ]</b>                       |                               |
| 6. | ( D.R 12/2020 ) | Rang Undang-Undang Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis 2020          | "                             |
|    |                 | <b>[ Menteri Dalam Negeri ]</b>                                       |                               |

7. PR-1441-U(27)201

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [ Pasir Gudang ]** akan mencadangkan :-

"mencadangkan Kerajaan supaya meminda Perkara 150(3) Perlembagaan Persekutuan bagi memperjelaskan tatacara pembatalan Proklamasi Darurat dan Ordinan-Ordinan Darurat."

**[ Perdana Menteri ]**

8. PR-1441-U(27)202

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [ Pasir Gudang ]** akan mencadangkan :-

"mencadangkan Kerajaan Persekutuan supaya melakukan pindaan Perlembagaan terhadap Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan untuk memberi kuasa Kerajaan-Kerajaan negeri dalam bidang kesihatan awam dan juga aktiviti kegiatan ekonomi."

**[ Perdana Menteri ]**

9. PR-1441-U(27)203

**Datuk Seri Panglima Madius Tangau [ Tuaran ]** akan mencadangkan :-

"Merasai penderitaan rakyat akibat kehilangan insan tersayang akibat COVID-19, kehilangan sumber pendapatan, serta kesukaran meneruskan pembelajaran dan pengajaran dalam sistem persekolahan yang sedia ada;

Menyedari pelbagai masalah dan kecelaruan dalam pembuatan serta pelaksanaan *Standard Operating Procedure* (SOP) yang melibatkan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Kerajaan Tempatan dan Kerajaan di peringkat Kampung;

Menyedari hakikat bahawa struktur Majlis Keselamatan Negara yang ada terbukti tidak dapat merangkumi secukupnya suara pembangkang Persekutuan dan Kerajaan-Kerajaan negeri untuk membentuk muafakat rentas-parti dan rentas Kerajaan yang berkesan untuk menangani pemulihan ekonomi dan kesihatan;

Mengambil maklum dasar dan SOP yang diperlukan untuk menangani wabak COVID-19 mungkin tidak popular pada permulaan dan hanya boleh berjaya jika tanggungjawab politik ditanggung bersama oleh semua parti politik dan Kerajaan negeri sebagai Tim Malaysia untuk meyakinkan masyarakat;

Mengambil maklum pemusatan kuasa dalam bidang kesihatan dan kesihatan awam di bawah Jadual ke-Sembilan Perlembagaan Persekutuan yang telah menghindari Kerajaan-Kerajaan negeri daripada memberikan sumbangan yang lebih besar dalam melawan wabak COVID-19; dan

Menerima hakikat peri pentingnya pandangan dan sokongan Ketua-Ketua Menteri dan Menteri-Menteri Besar, pemimpin-pemimpin kanan parti Pembangkang dan pakar-pakar dalam masyarakat, sektor profesional dan sektor swasta untuk membantu Menteri-Menteri Persekutuan dan pucuk pimpinan perkhidmatan awam, tentera dan polis dalam pembuatan keputusan dasar serta SOP yang inklusif;

Maka Dewan Yang Mulia ini hendaklah bersetuju untuk mencadangkan Kerajaan supaya menubuhkan MAJLIS PERSEKUTUAN - NEGERI UNTUK PEMULIHAN EKONOMI DAN KESIHATAN RAKYAT dengan terma-terma seperti berikut:-

1. Majlis ini dipengerusikan oleh Perdana Menteri dengan Ketua Pembangkang Parlimen sebagai timbalan pengerusi;
2. Dianggotai oleh tiga kumpulan: Pertama, sejumlah menteri termasuk Menteri Pertahanan, Menteri Kesihatan, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Menteri Dalam Negeri, Menteri Pelancongan, Menteri Pendidikan dan Menteri Hal Ehwal Sabah dan Sarawak; Kedua, ahli-ahli parlimen pembangkang yang menggambarkan kepelbagaian parti dan dalam jumlah yang sama; dan ketiga, semua Ketua Menteri dan Menteri Besar daripada 13 buah negeri;
3. Menerima input profesional dan kepakaran daripada sektor ekonomi, kesihatan awam dan pendidikan bersama-sama pucuk pimpinan perkhidmatan awam, tentera dan polis; dan

4. Bermesyuarat setiap minggu sebelum mesyuarat Kabinet untuk menerima laporan dan mengambil tindakan atas perkara-perkara seperti pengangguran dan penutupan perniagaan, jangkitan, kemasukan hospital (*hospitalization*) dan kematian akibat COVID-19, prestasi vaksinasi rakyat ; Pelaksanaan SOP, keadaan persekolahan dan prestasi sektor utama ekonomi;

DAN bersetuju untuk menuntut Perdana Menteri melaporkan status penubuhan MAJLIS PERSEKUTUAN - NEGERI dalam tempoh 60 hari daripada usul ini dipersetujui oleh Dewan Yang Mulia ini. "

**[ Perdana Menteri ]**

10. PR-1441-U(27)204

**Datuk Seri Panglima Madius Tangau [ Tuaran ]** akan mencadangkan :-

"Usul Menambah 13 lagi Jawatankuasa Pilihan Khas sebagai tambahan kepada 9 Jawatankuasa Pilihan Khas yang sedia ada.

Menerima hakikat bahawa terdapat 20 lagi portfolio dalam Kementerian-Kementerian yang belum lagi dimasukkan dalam 9 Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen yang sudah ditubuhkan.

Menyedari tuntutan rakyat agar Ahli-ahli Parlimen memainkan peranan untuk memastikan agar duit cukai mereka digunakan sebaik-baik mungkin untuk kesejahteraan rakyat.

Menyedari juga kewajipan-kewajipan Ahli-ahli Parlimen sebagai tonggak pelaksanaan institusi parlimen sebagai semak dan imbang terhadap Kerajaan dan

Menerima hakikat bahawa masih ada 88 Ahli Dewan Rakyat serta sebilangan Ahli-ahli Dewan Negara yang belum dilantik dalam mana-mana Jawatankuasa Parlimen.

Maka saya dengan ini (bagi pihak 55 Ahli-ahli Dewan Rakyat yang telah menghantar memorandum kepada Tuan Yang di-Pertua mohon supaya ditubuhkan 13 Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen) meminta supaya Dewan Yang Mulia ini membuat ketetapan menubuhkan 13 lagi Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen seperti berikut: Sekiranya jumlah MP bagi setiap PSSC tidak ditambahkan, kami menyeru Kerajaan untuk mempertimbangkan 13 PSSC baharu bagi portfolio-portfolio berikut:

No	Portfolio Menteri	PSSC Sepadan Diperlukan
1	JPM - Hal Ehwal Sabah dan Sarawak	Federalisme dan Desentralisasi*
2	JPM - Hal Ehwal Agama	Hal Ehwal Agama*
3	Hal Ehwal Luar Negeri	Hal Ehwal Luar Negeri
4	Alam Sekitar dan Air	Alam Sekitar dan Air
5	Tenaga dan Sumber Asli	Tenaga dan Sumber Asli
6	Pengangkutan	Pengangkutan**
7	Perumahan dan Kerajaan Tempatan	Perumahan dan Kerajaan Tempatan**
8	Wilayah Persekutuan	Wilayah Persekutuan
9	Sumber Manusia	Sumber Manusia
10	Komunikasi dan Multimedia	Komunikasi dan Multimedia
11	Belia dan Sukan	Belia dan Sukan
12	Pelancongan, Seni dan Budaya	Pelancongan, Seni dan Budaya
13	Perpaduan Negara	Perpaduan Negara
14	Pembangunan Usahawan dan Koperasi	Pembangunan Usahawan dan Koperasi

### [ Perdana Menteri ]

11. PR-1441-U(27)205

**Datuk Seri Panglima Madius Tangau [ Tuaran ]** akan mencadangkan :-

"Usul Pindaan Perlembagaan Pasal 1(2).

Menerima hakikat bahawa mantan Perdana Menteri Tun Mahathir Mohamad dalam Kerajaan yang lalu sudah pun mengumumkan bahawa Sabah dan Sarawak adalah *equal partner* persekutuan Malaysia. Dan

Menerima hakikat bahawa mantan Perdana Menteri Tan Sri Mahiaddin Yassin juga telah mengumumkan status Sabah dan Sarawak sebagai Wilayah. Dan

Menyedari pelbagai kekeliruan di kalangan anggota perkhidmatan awam dan juga rakyat jelata telah timbul akibat daripada siri pengumuman tersebut.

Menerima hakikat bahawa rakyat Sabah dan Sarawak sudah sekian lama membuat tuntutan agar kedudukan Sabah dan Sarawak sebagai *equal partner* ditunai dan dilaksanakan melalui perundangan. Dan

Menerima hakikat tentang sebutan asal Perlembagaan Persekutuan sebenarnya sudah mengambil kira kedudukan Sabah tersebut sebelum pindaan Pasal 1(2) dilakukan pada tahun 1976.

Maka dengan itu Dewan yang Mulia ini hendaklah membuat ketetapan agar Kerajaan membentangkan pindaan terhadap Pasal 1(2) dengan memasukkan kehendak dan cadangan daripada Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak dalam sesi persidangan parlimen kali ini."

**[ Perdana Menteri ]**

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT  
(DEWAN RAKYAT)**

<b><u>TAHUN 2021</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH DIBENTANGKAN</u></b>
ST. 4	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Lembaga Ahli Geologi Bagi Tahun 2019	15 September 2021
ST. 21	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Agensi Inovasi Malaysia Bagi Tahun 2019	15 September 2021
ST. 26	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Dewan Bahasa dan Pustaka Bagi Tahun 2019	15 September 2021
ST. 35	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu Bagi Tahun 2019	15 September 2021
ST. 36	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Perbadanan Labuan Bagi Tahun 2019	15 September 2021
CMD. 14	Proklamasi Darurat (Sarawak) P.U.(A) 323/2021 yang diwartakan pada 30 Julai 2021	15 September 2021
CMD. 15	Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu) (Sarawak) P.U.(A) 324/2021 yang diwartakan pada 30 Julai 2021	15 September 2021

**\*\*UCAPAN- UCAPAN  
( PERATURAN MESYUARAT 17 )  
( KAMAR KHAS )**

<b>Tarikh Ucapan</b>	<b>Ahli Yang Berucap</b>	<b>Tajuk Ucapan</b>	<b>Menteri Yang Bertanggungjawab</b>
1. 15.09.2021 (Rabu)	1. YB Tuan Wong Hon Wai (Bukit Bendera)	1. Halatuju Program MM2H Selepas Pandemik COVID-19	1. YB Menteri Dalam Negeri
2. 15.09.2021 (Rabu)	2. YB Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu (Batu Gajah)	2. Pusat Latihan Berasrama Bagi Archagar Tempatan	2. YB Menteri Sumber Manusia

**\*\* Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**